

**PENGLIBATAN MASYARAKAT MARITIM TELUK
DARVEL DALAM KEGIATAN PELANUNAN DI
BORNEO UTARA, 1845-1915**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**PENGLIBATAN MASYARAKAT MARITIM TELUK
DARVEL DALAM KEGIATAN PELANUNAN DI
BORNEO UTARA, 1845-1915**

MOHAMMAD SHAM BIN MOHAMMAD



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL : **PENGLIBATAN MASYARAKAT MARITIM TELUK DARVEL DALAM KEGIATAN PELANUNAN DI BORNEO UTARA, 1845-1915.**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MOHAMMAD SHAM BIN MOHAMMAD**, Sesi **2019-2023**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,

**MOHAMMAD SHAM BIN
MOHAMMAD
MA1921135T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 14 NOVEMBER 2023

**(DR. MOSLI TARSAT)
Penyelia Utama**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis sarjana yang bertajuk Penglibatan Masyarakat Maritim Teluk Darvel dalam Kegiatan Pelanunan di Borneo Utara, 1845-1915 ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 JULAI 2023

Mohammad Sham Bin Mohammad
MA1921135T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MOHAMMAD SHAM BIN MOHAMMAD**
NO. MATRIK : **MA1921135T**
TAJUK : **PENGLIBATAN MASYARAKAT MARITIM TELUK DARVEL DALAM KEGIATAN PELANUNAN DI BORNEO UTARA, 1845-1915**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **SEJARAH**
TARIKH VIVA : **14 JULAI 2023**



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

1. PENYELIA UTAMA

Dr. Mosli Tarsat

PENGHARGAAN

Syukur ke atas hadrat Allah Swt kerana tanpa izinnya-Nya tidak mungkin penulisan ini di sempurnakan. Dalam ruang yang terhad ini izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak sama ada perseorangan mahupun institusi yang telah memberi kerjasama erat, dalam bentuk idea dan buah fikiran serta membimbing penulis dalam menghasilkan penulisan ini. Ucapan setinggi terima kasih kepada pensyarah sejarah yang banyak mengajar mengenai etika penulisan pensejarahan serta kepada penyelia tesis saya iaitu Dr. Mosli Tarsat yang banyak memberi tunjuk ajar dalam penghasilan tesis ini. Beliau merupakan insan yang banyak mencurahkan idea dan ajaran mengenai selok belok penulisan tesis ini. Hanya sekadar ucapan terima kasih yang dapat diucapkan kepada penyelia saya.

Tidak dilupakan juga, terhadap keluarga saya di Lahad Datu yang telah banyak sokongan moral dan dana sepanjang proses penyiapan tesis ini. Selain itu, terima kasih juga terhadap kawan-kawan yang banyak memberi sumbangan idea dalam proses penyiapan tesis ini seperti Josrin, Firdaus, dan Hishamuddin. Ucapan terima kasih saya limpahkan kepada guru sekolah menengah saya iaitu Nazlan Olan yang banyak memberi informasi mengenai tajuk saya ini. Tiada kata terindah yang boleh diucapkan selain terima kasih yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penyiapan tesis ini. Selain itu, ucapan syukur dan terima kasih kepada orang sumber yang sudi ditemubual.

Kepada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Yayasan Sabah, Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Lahad Datu teruskan menyimpan buku dan dokumen untuk sejarah maritim dan pelayaran yang penting untuk di buat kajian. Kepada penulis kajian maritim, terima kasih atas sumbangan idea dan kajian terutama James Francis Warren, Mohd Raduan Mohd Ariff, Ismail Ali, Mosli Tarsat dan sebagainya dalam memartabatkan penulisan dalam bidang maritim.

Mohammad Sham Bin Mohammad
14 Julai 2023

ABSTRAK

Kajian ini meneliti kegiatan pelanunan di kawasan Teluk Darvel, Pantai Timur Borneo Utara dari tahun 1845 sehingga 1915. Pada awalnya, kegiatan pelanunan mendapat tempat di sebelah pantai barat iaitu di Teluk Marudu dan Tempasuk semasa era Syarif Usman. Perubahan ini berlaku di sebabkan kempen penghapusan Ianun di kedua kawasan tersebut sehingga membuatkan Teluk Darvel sebagai lokasi penempatan bagi pelanunan. Kriteria pemilihan Teluk Darvel dilihat berdasarkan sebuah kawasan yang jauh dan belum diketahui oleh pemerintah luar pada ketika itu. Antara keistimewaan kawasan Teluk Darvel adalah kedudukan geografi. Keadaan ini telah menggalakkan kehadiran para datu Sulu dan secara langsung menjadikan Teluk Darvel sebagai tempat persinggahan, pertemuan dan penempatan. Kajian ini akan membincangkan kegiatan pelanunan dan beberapa aspek yang mempengaruhi peristiwa itu dilakukan di Teluk Darvel. Kajian ini turut menilai peranan Iranun, Balangingi dan Bajau dalam aktiviti pelanunan, perhambaan dan perdagangan di Teluk Darvel. Selain itu, perbincangan seterusnya menyentuh peranan pihak British dan BNBCC dalam menghapuskan kegiatan pelanunan sama ada secara kempen ketenteraan dan undang-undang. Fokus utama dalam kajian ini adalah mengetahui akan kegiatan pelanunan yang berlaku di Teluk Darvel. Hal tersebut ingin memperincikan semula faktor kegiatan pelanunan masih mendapat sambutan dalam kalangan pemimpin tempatan di Teluk Darvel. Pada awalnya, kegiatan ini mendapat sokongan daripada Kesultanan Sulu dan para datu sehingga berleluasa pada tahun 1845-1915. Dalam mencapai objektif kajian, kaedah yang digunakan adalah kualitatif yang menekankan penggunaan sumber akhbar lama, fail-fail ordinan, buku-buku, tesis sarjana dan artikel. Hasil dapatkan kajian awal ialah Teluk Darvel mempunyai beberapa keistimewaan sehingga berupaya mempelopori kegiatan pelanunan. Perkara ini mendapat reaksi negatif oleh pihak barat dan mengandaikan kegiatan pelanunan merupakan aktiviti tidak bermoral disebabkan kebanyakkan kapal yang diserang adalah kapal mereka. Kepentingan kajian ini adalah membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kesinambungan kegiatan pelanunan khususnya di Teluk Darvel. Oleh itu, kegiatan pelanunan menjadi isu utama yang perlu diberi perhatian terutama bagi kuasa barat yang ingin bertapak di Asia Tenggara.

Kata kunci: Teluk Darvel, Pelanunan, Ordinan, BNBCC

ABSTRACT

DARVEL BAY MARITIME SOCIETY INVOLVEMENT IN PIRACY ACTIVITIES IN NORTH BORNEO, 1845-1915

This study examines piracy activities in Darvel Bay, East Coast of North Borneo from 1845-1915. Initially, piracy activities took place on the west coast, in Marudu Bay and Tempasuk during the Syarif Usman era. This movement because of the campaign to eliminate pirates in both areas, making Darvel Bay the location of the settlement. Darvel Bay was targeted by the pirates because it was a remote area and was not known by the foreign government at the time. One of the main reasons for Darvel Bay to be chosen as a piracy location is its geographical position. This situation has encouraged the presence of the Sulu datus and consequently made Darvel Bay as a place of stopover, meeting and settlement. This study will discuss piracy activities and some aspects that affect the event in Darvel Bay. This study also evaluates the role of Iranun and Balangingi in piracy, slavery and trade in Darvel Bay. In addition, the role of the British and British North Borneo Chartered Company (BNBCC) in eliminating piracy activities either through military or legal campaigns was also discussed. The main focus in this study is to find out about the piracy activities that occur in Darvel Bay. This study would like to discuss in details regarding the factor influences piracy activities that are still known among local traders in Darvel Bay. In the beginning, this activity received support from the Sultanate of Sulu and the datus until it became widespread in the years 1845-1915. In achieving the objectives of the study, the method used is qualitative which emphasizes the use of old newspaper sources, ordinance files, books, master's theses and articles. The result of the preliminary study is that Darvel Bay has several advantages so that it is able to pioneer piracy activities. This matter received a negative reaction from the western side and assumed that piracy was an immoral activity due to the fact that most of the ships that were attacked were their ships. The importance of this study is to discuss in more detail the continuation of piracy activities, especially in Darvel Bay. Therefore, piracy is a major issue that needs to be paid attention to, especially for western powers that want to establish a foothold in Southeast Asia.

Keywords: Darvel Bay, piracy, ordinance , BNBCC

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	I
PENGAKUAN	II
PENGESAHAN	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
ABSTRACT	VII
SENARAI KANDUNGAN	VIII
SENARAI JADUAL	X
SENARAI PETA	XI
SENARAI GAMBAR	XII
SENARAI SINGKATAN	XIII
SENARAI LAMPIRAN	XIV
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Sorotan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Metodologi Kajian	13
1.8 Struktur Bab	16
1.9 Kesimpulan	17
BAB 2 : LATAR BELAKANG PELANUNAN DI BORNEO UTARA	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Latar Belakang Maritim	20
2.3 Pelanunian di Dunia	24
2.3.1 Pelanunian di Asia Tenggara	31
2.3.2 Pelanunian Borneo Utara	35
2.4 Teluk Darvel Dalam Konteks Persekutaran Maritim di Utara Borneo	39
2.4.1 Sejarah dan Kedudukan Teluk Darvel	44
2.4.2 Kesultanan Sulu	49
2.4.3 British North Borneo Chattered Company (BNBCC)	56
2.5 Kesimpulan	61
BAB 3 : KEGIATAN PELANUNAN DI TELUK DARVEL PADA 1845-1915	
3.1 Pengenalan	63
3.2 Tempat Pelanunian	64
3.2.1 Tungku	64
3.2.2 Pulau Omadal	71
3.3 Kemahiran Pelayaran	74
3.4 Sistem Datu	78
3.5 Modus Operandi	84
3.6 Kapal/Perahu dan Teknologi Senjata	88
3.7 Kesimpulan	97

**BAB 4 : PERANAN IRANUN, BALANGINGI DAN BAJAU DALAM
KEGIATAN PELANUNAN**

4.1 Pengenalan	99
4.2 Asal Usul Iranun	101
4.3 Asal Usul Balangingi	105
4.4 Asal Usul Bajau	109
4.5 Peranan Iranun, Balangingi dan Bajau	113
4.5.1 Pelanunan	113
4.5.2 Perhambaan	126
4.5.3 Perdagangan	130
4.6 Kesimpulan	139

**BAB 5 : DASAR KEMPEN DAN PERUNDANGAN BAGI
MENGHAPUSKAN PERLANUNAN DI TELUK DARVEL, 1845-
1915**


5.1 Pengenalan	140
5.2 Kempen Penghapusan Lanun	141
5.2.1 Sarawak	142
5.2.2 Teluk Marudu	147
5.2.3 Teluk Darvel	150
5.3 Kegagalan Pangkalan Tentera di Labuan	154
5.4 Peranan Wiliam Pryer	159
5.5 Peranan BNBCC	161
5.5.1 Penubuhan Pos Perdagangan Silam	162
5.5.2 Pelaksanaan <i>Ordinance Boat and Fisheries 1915</i>	172
5.6 Implikasi Pelaksanaan Kempen dan Perundangan	180
5.7 Kesimpulan	184
	186
	196
	211

**BAB 6 : PENUTUP
BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL


	Halaman
Jadual 2.1: Nama Gabenor Borneo Utara	60
Jadual 4.1: Tafsiran Harga Hamba di Pasaran Borneo	128
Jadual 5.1: Senarai Pemimpin Tempatan Era BNBCC	178



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA


	Halaman
Peta 2.1: Teluk Darvel	39
Peta 2.2: Wilayah Kesultanan Sulu	52
Peta 3.1: Penguasaan Para Datu	84
Peta 4.1: Pulau Balangingi	109



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1: Sungai Tungku	69
Gambar 3.2: Sungai Mekawa	70
Gambar 3.3: Sungai Sahabat	70
Gambar 3.4: Perahu Kora-Kora	93
Gambar 3.5: Perahu Kakap	93
Gambar 3.6: Perahu Penjajab	94
Gambar 3.7: Garay	94
Gambar 3.8: Senjata	96
Gambar 3.9: Barong	97
Gambar 4.1: Iranun	104



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BNBCC	- British North Borneo Chattered Company
C.O	- Colonial Office
NBCA	- North Borneo Central Archive
No.	- Nombor
Hlmn	- Halaman
F.O	- Federal Office



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Papan Tanda Sungai Tungku	211
Lampiran B : Papan Tanda Sungai Sahabat	211
Lampiran C : Papan Tanda Sungai Makuau	212
Lampiran D : Kawasan Pokok Kelapa di Sungai Tungku	212
Lampiran E : Gudang Tembakau	213
Lampiran F : Rekod Panglima Laut	214
Lampiran G : Rekod Panglima Laut	215



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan yang meletakkan asas perbincangan kajian yang seterusnya. Dalam bab ini akan menjelaskan beberapa aspek iaitu permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan struktur bab. Aspek ini sangat penting bagi menjelaskan penyelidikan bersifat akademik terutama dalam penulisan sejarah. Pertama sekali, pelanunan merupakan tindakan penyerangan, perampasan dan penculikan ke atas sesebuah perahu atau kapal di kawasan lautan. Perbuatan ini telah dilakukan bagi mendapatkan sesuatu yang berharga seperti barang bernilai, komoditi dan anak-anak kapal. Kegiatan pelanunan telah dikenalpasti di beberapa kawasan utama iaitu di laut Caribbean, Mediteranean, Teluk Aden, Selat Melaka dan Kepulauan Sulu.

Kegiatan pelanunan telah berlaku di perairan Kepulauan Borneo merangkumi Borneo Utara, Sarawak dan Kalimantan.¹ Di Pantai Timur Borneo Utara memperlihatkan Kesultanan Sulu sebagai penguasa utama dengan kehadiran datu-datu yang telah di amanahkan bagi mengawal dan menjaga kawasan tersebut. Pihak pemerintah telah membahagi kawasan jajahan kepada tiga buah iaitu Magindora, Marudu dan Tirun.²

¹ Ismail Ali, *Viking Timur di Kepulauan Borneo*. Kota Kinabalu: Norzaynab Printing Sdn Bhd, 2010, hlmn.

² Ismail Ali, *Peradaban Maritim Nusantara*, Yogyakarta: Penerbit Ombak, 2017, hlmn. 151.

Kebergantungan Kesultanan Sulu terhadap golongan pembesar telah menyebabkan peningkatan penguasaan aktiviti maritim sekitar abad ke19.

Di perairan Borneo, pada abad ke18 dan 19 telah memperlihatkan kemunculan Iranun dan Balangingi melakukan kegiatan pelanunan. Kegiatan pelanunan telah dijadikan sebagai kegiatan utama oleh para datu yang masih bertuarkan Kesultanan Sulu di Teluk Darvel.³ Dengan kelebihan teluk dan jarak yang singkat telah meletakkan Teluk Darvel sebagai pilihan iaitu pusat persinggahan, pertemuan dan petempatan bagi Iranun dan Balangingi. Pada penghujung abad ke19, Teluk Darvel menjadi salah satu sarang pelanunan di perairan Borneo Utara setelah kempen penghapusan lanun di pantai barat Borneo Utara. Peralihan kegiatan pelanunan ini di sebabkan kemasuhan kawasan utama di Teluk Marudu dan Tempasuk. Oleh itu, pemahaman lokasi kajian akan memperlihatkan keistimewaan Teluk Darvel sehingga dapat memberi ancaman terhadap pihak luar.



Kegiatan pelanunan telah mengalami perubahan seiring dengan kehadiran pihak luar seperti British, Belanda, Sepanyol, Portugis dan Perancis. Malah, kegiatan pelanunan semakin aktif apabila pihak luar tersebut ingin menakluki daerah kekuasaan pemimpin tempatan. Perkara ini telah menimbulkan penentangan dan pertelingkahan di antara pemimpin tempatan dan kuasa luar bagi mempertahankan kuasa masing-masing. Oleh itu, kegiatan pelanunan merupakan respon dan tindak balas terhadap pencerobohan kuasa luar.

1.2 Permasalahan Kajian

Kegiatan pelanunan sememangnya sinonim dengan kawasan berteluk dan kepulauan yang memudahkan pergerakan dan perlindungan. Perkara ini dapat dilihat secara

³ Adrian Lapian, *Orang Laut, Bajak Laut, Raja Laut: Sejarah Kawasan, Laut Sulawesi Abad XIV*. Jakarta: Komunitas Bambu, 2009, hlmn. 41.

menyeluruh di Asia Tenggara. Keadaan ini berupaya memberi sebab utama akan pemilihan kedudukan geografi Teluk Darvel, di Pantai Timur Borneo Utara. Selain itu, pelaksanaan kempen penghapusan lanun di Teluk Marudu dan Tempasuk turut menjadi sebab akan perubahan Teluk Darvel sebagai kawasan penempatan pelanunan. Setiap ekspedisi pelanunan akan dirancang, diatur dan diselia oleh para pemimpin yang mengetuai kegiatan ini. Ekspedisi pelanunan ini boleh dilihat dengan kedatangan kuasa luar telah mengugat kuasa-kuasa pemimpin tempatan dan mencabar pemilikan kuasa mereka. Justeru itu, kegiatan pelanunan berlaku dengan wujudnya permintaan seperti hamba-hamba bagi tujuan ekonomi kelautan.

Selain itu, kegiatan pelanunan telah dilakukan oleh Tau Higad ataupun masyarakat yang tinggal di berdekatan laut, sungai dan pantai. Namun demikian, tidak semua masyarakat maritim yang melakukan kegiatan pelanunan. Perkara ini bergantung kepada keinginan masyarakat maritim serta arahan daripada ketua-ketua mereka. Sementelah lagi, nama Teluk Darvel telah terkenal sebagai lokasi persinggahan, pertemuan, perlarian terutama bagi masyarakat maritim. Hal ini berkait dengan faktor geografi, kedalaman teluk, pelbagai pulau-pulau kecil dan lain-lain lagi.

Seterusnya, kehadiran kuasa luar telah memberi impak positif dan negatif terutama dalam hal penghapusan lanun di Teluk Darvel. Kuasa luar telah melakukan kempen penghapusan lanun dengan agresif sehingga menghancur beberapa kawasan penempatan masyarakat maritim di Teluk Darvel. Bukan itu sahaja, pelaksanaan peraturan dan undang-undang sama ada di daratan dan kelautan yang berinisiatif mengawal tindak-tanduk masyarakat maritim daripada terlibat kegiatan pelanunan lagi. Hal ini jelas dengan kewujudan pusat petadbiran pihak BNBCC di kawasan Teluk Darvel dan secara langsung menghadapi cabaran utama kepada pihak petadbir dalam mengawal masyarakat maritim yang selama ini setia terhadap ketua mereka.

- 1) Mengapa kegiatan pelanunan berlaku di kawasan Teluk Darvel ?
- 2) Siapakah masyarakat maritim yang dimaksudkan melakukan kegiatan pelanunan di

Teluk Darvel ?

- 3) Bagaimana dan apakah dasar dan perundangan BNBCC dalam menghapuskan kegiatan pelanunan di Teluk Darvel ?

1.3 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ialah untuk mengkaji kegiatan pelanunan di Teluk Darvel. Bagi mencapai tujuan ini, pengkaji telah menggariskan tiga objektif yang bakal dijalankan dalam kajian ini. Antaranya:

Pertama, mengkaji kegiatan pelanunan di Teluk Darvel dari tahun 1845-1915. Objektif ini akan memperlihatkan keadaan pelanunan yang dianggap sebagai siri terakhir di Teluk Darvel. Siri terakhir bermaksud kepimpinan datu-datu di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu dalam mengetuai ekspedisi pelanunan era tradisional. Justeru itu, Teluk Darvel telah dijadikan markas dan kubu pelanunan serta transit bagi tujuan utama iaitu pelanunan. Objektif ini akan melihat petempatan masyarakat maritim, kemahiran pelayaran, penguasaan sistem datu, penggunaan teknologi perahu dan senjata.

Kedua, mengkaji peranan Iranun dan Balangingi di Teluk Darvel. Matlamat utama adalah memperlihatkan peristiwa pelanunan mengikut tahun-tahun tertentu di Teluk Darvel. Ekspedisi atau kegiatan pelanunan tidak berlaku setiap atau sepanjang tahun namun bergantung kepada pemimpin-pemimpin mereka. Objektif ini turut melihat pengaruh pelanunan dalam bidang perhambaan dan perdagangan. Hal ini cuba ketengahkan pelanunan siri terakhir di Teluk Darvel.

Terakhir, menilai keberkesanan kempen dan penguatkuasaan undang- undang Syarikat Borneo Utara British(BNBCC) pada 1878-1915. Kempen penghapusan lanun telah dilaksanakan pada tahun 1852, 1879 dan 1886 yang bertempat di Teluk Darvel. Selain itu, objektif ini cuba membincangkan peraturan dan polisi petadbiran BNBCC

dalam mencegah kegiatan pelanunan di sekitar Teluk Darvel. Dengan pengenalan undang-undang ini telah berupaya mengurangkan kegiatan pelanunan.

1.4 Sorotan Kajian

Stefan Eklof dalam bukunya ***Pirates In Paradise: A Modern History Of Southeast Asia, Maritime Marauders***⁴ membincangkan sejarah pelanunan serata dunia termasuk di kawasan benua Asia. Kajian ini turut mengambil kira era kontemporari yang melihat perubahan istilah dan modus operandi pelanunan di kawasan perairan. Terdapat perbezaan ketara yang menonjol seperti keganasan di laut, aspek sejarah, carta organisasi atau modus operandi dan pelanunan atas nama tuhan. Penjelasan ini masih meliputi struktur politik, ekonomi dan sosial, budaya dan proses global. Justeru itu, buku ini mempunyai informasi mengenai pelanunan seperti faktor penarik dan penolak dalam kegiatan pelanunan pada zaman kontemporari ini. Selain itu, Kerjasama di antara negara-negara dan kerajaan harus di segerakan bagi memastikan kawasan perairan dalam keadaan yang selamat. Buku ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam menulis data-data kegiatan pelanunan yang berlaku. Namun demikian, buku ini tidak menerangkan secara jelas definisi pelanunan secara global ataupun dalam skop sejarah dunia.


Ismail Ali dalam Bukunya ***Viking Timur⁵ dan Sejarah dan Budaya Perlanunan di Kepulauan Borneo***⁶ telah menulis tentang aktiviti pelanunan dan perhambaan. Dua buku ini telah memuatkan unsur yang sama iaitu aktiviti pelanunan dan perhambaan yang dilakukan oleh Iranun dan Balangingi. Aktiviti pelanunan ini mendapat sokongan Kesultanan Sulu dan para pembesar Sulu dalam menggerakkan

⁴ S. Eklof, *Pirates in Paradise: A Modern History of Southeast Asia's Maritime Marauders*, Conpenhagen: Nias Press, 2006.

⁵ Ismail Ali, *Viking Timur di Kepulauan Borneo*. Kota Kinabalu: Norzaynab Printing Sdn Bhd, 2010.

⁶ Ismail Ali, *Sejarah & Budaya Perlanunan di Kepulauan Borneo*, Yogjakarta: Penerbit Ombak, 2018.

kedudukan sosioekonomi di Borneo Utara. Selain itu, identifikasi lanun telah dibahas oleh beberapa sarjana barat kepada Iranun dan Balangingi dan para Datu Sulu. Pemurnian aktiviti pelanunan ini dilakukan oleh sarjana luar selepas era perang dunia kedua. Kesultanan Sulu dalam Borneo Utara ini memandang aktiviti pelanunan itu sebagai pelakuan bermaruah dan tuntutan sosioekonomi. Lokasi pelanunan ini dapat dilihat di Teluk Marudu, Tempasuk dan Tungku. Buku ini banyak menyentuh kes pelanunan di Marudu dan Tempasuk manakala kawasan Teluk Darvel tidak di nyatakan dengan begitu jelas. Oleh itu, perbezaan kajian ini dapat dilihat melalui lokasi, masa dan tahun kajian. Seperti huraian di atas, Syarif Usman merupakan tokoh di Marudu dan diiktiraf sebagai ketua lanun di Borneo Utara dan secara tidak langsung meninggalkan ramai pengikut untuk meneruskan legasinya. Perbezaan ini tetap ketara kerana kajian ini akan menceritakan saki-baki pengikut Syarif Usman adalah sumber kekuatan pelanunan di Teluk Darvel.



Saleha binti Sapri dalam tesisnya *Sejarah Perlanunan Di Borneo Utara*⁷ telah memperlihatkan keupayaan maritim yang didominasi oleh kesultanan Brunei dan Sulu. Penekanan kegiatan pelanunan di Borneo Utara ini memperlihatkan salah satu aspek maritim yang diamalkan oleh masyarakat seperti Iranun, Balangingi, Bajau dan lain-lain lagi. Selain itu, budaya pelanunan dan pemburuan hamba merupakan aspek yang ditekankan dan menjadi sumber ekonomi bagi kedua kesultanan tersebut. Pihak Aristokrat turut mempunyai peranan bagi menaja aktiviti pelanunan dan pemburuan hamba bagi memudahkan aktiviti ini dilakukan. Perbezaan ketara adalah melalui zaman pemerintahan disebabkan Saleha tidak melihat aktiviti perlanunan semasa zaman *British North Borneo Chattered Company*. Penitian kajian pengkaji akan melihat semua aspek maritim termasuk pelanunan yang berlaku di Teluk Darvel yang pernah menjadi dilabel sebagai lokasi tumpuan pelanunan dan perhamaan.

⁷ Saleha Binti Sapri, *Sejarah Perlanunan di Borneo Utara (1760-1881)*, Universiti Malaysia Sabah, 2017.
(Tidak Diterbitkan) (Tesis Sarjana).

Aping Sajok dalam tesisnya ***Sejarah Amalan Perhamaan D1 Borneo Utara pada 1800-1941***⁸ telah menjelaskan punca aktiviti ini dijalankan. Penjelasan secara *Worldview* dalam konteks hamba ini telah membawa kepada kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Pengelasan kategori hamba ini dibezakan dengan era kesultanan Brunei dan Sulu. Tesis ini turut menyertakan kepentingan hamba dari segi pengaruh politik, aktiviti maritim, ketenteraan, pertanian dan perdagangan hamba. Perbandingan ini dilihat melalui aspek perdagangan hamba yang dijalankan berdasarkan aktiviti pelanunan. Tesis ini tidak memperhalusi sistem perhamaan yang wujud di Teluk Darvel sedangkan amalan perhamaan bergiat aktif terutamanya di pasar hamba di Bulungan. Buku ini tidak memisahkan amalan perhamaan Teluk Darvel dan pantai timur Borneo Utara agar lebih sistematik dan tersusun. Elemen sistem Buruh di Borneo Utara yang mempunyai persamaan bagi menjawab keseluruhan objektif tesis tersebut.

Ranjit Singh dalam buku ***The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*** membincangkan kepelbagai masyarakat yang wujud, pemerintahan di pantai timur dan barat Sabah dan sistem petadbiran BNBCC bertapak serta reaksi masyarakat tempatan. Kajian ini turut menampilkan beberapa peristiwa kelemahan BNBCC dan tindakan kurang cekap dalam melaksanakan petadbiran di Borneo Utara. Selain itu, reaksi penentangan tokoh tempatan terhadap pengenalan pelbagai sistem sehingga menjaskan kuasa mereka. BNBCC telah memulakan langkah penghapusan kegiatan pelanunan yang selama ini menjadi ekonomi tempatan bagi golongan datu di Teluk Darvel. Pengenalan pelbagai dasar dan peraturan telah dikuatkuasakan bagi mencegah Iranun, Balangingi dan Bajau terlibat dalam aktiviti pelanunan di Teluk Darvel lagi. Kelemahan buku ini tidak dinyatakan secara meluas mengenai penentangan Datu Kurunding terhadap petadbiran BNCC.

⁸ Aping Sajok, *Sejarah Amalan Perhamaan Di Borneo Utara 1800-1941*, Universiti Malaysia Sabah, 2017, (Tesis Sarjana) (Tidak di terbitkan).

James Francis Warren dalam buku ***Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Etnicity***⁹ telah memperlihatkan dua kaum iaitu Iranun dan Balangingi telah mendominasi perairan Sulu. Buku ini turut menceritakan asal usul Iranun dan Balangingi, penjelajahan, ekspedisi mencari hamba, sumber ekonomi dan lokasi melanun di Selatan Filipina mahupun Borneo Utara. Identifikasi mengenai Iranun dan Balangingi turut dibincangkan serta kegiatan mereka di kawasan perairan. Tujuan aktiviti pelanunan dan perhamaan ini dilakukan kerana tuntutan sosioekonomi. James Warren telah memperbetulkan petafsiran kegiatan orang Iranun dan Balangingi kerana rata-ratanya sarjana barat telah berat sebelah dengan menuduh kelakuan mereka bengis dan bertindak kasar. Penelitian terhadap sektor ekonomi khususnya di Borneo Utara telah memperlihatkan kelompok Bajau dalam mengusahakan aktiviti ekonomi kelautan. Selain itu, buku ini hanya menceritakan kawasan Tungku di Teluk Darvel sebagai kawasan pelanunan namun tidak di perincikan.

Mosli Tarsat dalam tesis yang bertajuk ***Pembangunan Ekonomi di Pantai Timur Borneo Utara 1704-1941***¹⁰ memperlihatkan era pemerintahan Kesultanan Sulu dan *British North Borneo Chattered Company* (BNBCC). Tesis ini menjelaskan potensi pantai timur Borneo Utara sebagai pengeluar hasil laut untuk kepentingan di Jolo. Pantai Timur Borneo Utara khususnya di wilayah Magindora. Wilayah Magindora khususnya di Teluk Sandakan mempunyai potensi ekonomi kelautan. Kelompok Bajau mahir menyelam dan berenang telah berupaya mengutip hasil laut seperti tripang, mutiara dan lain-lain lagi. Manakala era BNBCC telah menitikberatkan aspek perdagangan, pelabuhan dan perkapanan melalui penggubalan proklamasi dan ordinan perundungan. Namun demikian, Tesis ini kurang memberi impak terutama dalam perihal ordinan dalam mengehadkan kegiatan pelanunan di sekitar pantai timur Borneo Utara

⁹ J. F. Warren, *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*, Singapore: University Press, 2002.

¹⁰ Mosli Tarsat, *Pembangunan Ekonomi Kelautan Di Pantai Kelautan Di Pantai Timur Borneo Utara 1704-1941*, Universiti Malaysia Sabah, 2017, (Tidak Diterbitkan)(Tesis Doktor Falsafah)

yang merangkumi Teluk Darvel. Walaubagaimanapun, tesis ini telah menyediakan ruang bagi menjelaskan fungsi ordinan oleh BNBCC bagi mencegah perlanunan.

Denis J. Sading dan Siti Aminah Roslan dalam buku ***Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Iranun***¹¹ telah mengetengahkan kebudayaan yang wujud dalam kaum ini. Berdasarkan pengamatan awal, buku ini memberi gambaran asal usul Iranun dan penempatan mereka di Sabah. Perkara ini menceritakan dari aspek politik, ekonomi dan sosial Iranun serta keadaan mereka setelah mencapai era kemerdekaan dan berada di bawah tumpuk pemerintahan Sabah. Selain itu, dari aspek ekonomi pula menceritakan kehebatan Iranun dalam menguasai kemahiran laut, bukan sahaja ekonomi lautan malahan ekonomi daratan turut dilakukan seperti menanam kelapa sawit, tebu padi dan lain-lain lagi. Dari aspek sosial, seperti adat perkahwinan, adat istiadat, adat kematian, muzik dan alatan tradisional turut di masukkannya. Secara keseluruhan, penulisan buku ini berkisarkan budaya masyarakat Iranun di Sabah iaitu di Kota Belud, Tungku dan Kudat. Namun demikian, buku ini banyak menyentuh masyarakat Iranun di Kota Belud berbanding Kudat Dan Tungku. Oleh itu, kekangan buku ini memberi ruang untuk mengkaji masyarakat kegiatan perlanunan yang berlaku di Teluk Darvel terutamanya Iranun.

Mosli Tarsat dalam artikel bertajuk ***Pelaksanaan Boat and Fisheries Ordinance 1914 sebagai Asas pendidikan Undang-undang Perikanan kepada Komuniti Nelayan Bajau di Borneo Utara, 1915-1939***¹² sebagai peraturan bersifat rasmi. Undang-undang yang diperkenalkan untuk mengenalpasti perahu dan alatan yang digunakan oleh orang Bajau di samping memperolehi pendapatan. Perkara yang

¹¹ Denis J. Sading dan Siti Aminah Roslan, *Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Iranun*, Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2017.

¹² Mosli Tarsat, Pelaksanaan Boat and Fisheries Ordinance 1914 sebagai Asas pendidikan Undang-Undang Perikanan kepada Komuniti Nelayan Bajau di Borneo Utara 1915-1939, *Historia: Jurnal Kajian Sejarah di Nusantara dan Dunia*, Volume 1(1), 2018.